

LAMPIRAN A

KRITERIA PERMOHONAN PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA 'FAST TRACK' BAGI PROGRAM ODL

1. Syarat-syarat Permohonan:

- 1.1 Kurikulum program yang akan ditawarkan adalah sama dengan mod program secara konvensional;
- 1.2 Program pengajian secara konvensional telah mendapat Akreditasi (Akreditasi Sementara/Akreditasi Penuh);
- 1.3 Bagi program konvensional yang mendapat status Akreditasi bersyarat, program konvensional tersebut perlu mematuhi syarat-syarat Akreditasi Sementara/Akreditasi Penuh terlebih dahulu. (PPT perlu melampirkan surat keputusan penilaian pematuhan syarat-syarat Akreditasi);
- 1.4 Sekiranya program konvensional mempunyai rekod perubahan kurikulum, PPT perlu mengemukakan:
 - i. Bukti kelulusan pindaan kurikulum daripada MQA; atau
 - ii. Minit mesyuarat senat/pengurusan PPT sebagai bukti pengesahan pindaan kurikulum yang tidak melebihi 30%;
- 1.5 PPT telah mempunyai program lain (Akreditasi Sementara/Akreditasi Penuh) yang dikendalikan secara ODL; dan
- 1.6 PPT perlu membuat pengesahan bahawa program yang dimohon telah mematuhi keseluruhan ketetapan standard program yang berkuatkuasa khususnya *Body of Knowledge* (BoK) program.
- 1.7 PPT perlu mengemukakan *Self-Instructional Materials* (SIM) untuk semua kursus Semester 1 semasa mengemukakan dokumen permohonan Akreditasi Sementara (MQA-01).

2. Kaedah Permohonan:

- 2.1 Membuat permohonan Pra-Pendaftaran program melalui sistem e-Semakan Permohonan (e-SP) dan mencetak **Borang A** yang dijana oleh sistem.

- 2.2 Mengemukakan Borang A berserta dokumen-dokumen lain yang disenaraikan dalam borang tersebut ke MQA mengikut **Takwim A: Proses Penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh** seperti di **Lampiran 1**.
- 2.3 Fi permohonan adalah berdasarkan Jadual Fi Agensi Kelayakan Malaysia 2010.

3. **Proses Penilaian:**

- 3.1 Infografik proses penilaian Akreditasi Sementara 'Fast Track' ODL adalah seperti di **Lampiran 2**;
- 3.2 Tempoh piagam pelanggan bagi permohonan Akreditasi Sementara 'Fast Track' ODL adalah 6 minggu daripada tarikh dokumen lengkap sehingga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi, MQA. Piagam Pelanggan 'Fast Track' ODL adalah seperti di **Lampiran 3**;
- 3.3 Bagi permohonan program 'Fast Track' ODL yang memerlukan lawatan penilaian khususnya kemudahan ODL, lawatan akan diadakan pada minggu kedua selepas dokumen permohonan lengkap dikemukakan kepada MQA;
- 3.4 PPT perlu memastikan permohonan yang dikemukakan adalah lengkap. Sekiranya tidak lengkap, Surat Tidak Lengkap akan dikeluarkan dan PPT perlu mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh **7 hari**. Sekiranya dokumen maklumat tambahan tersebut tidak diterima atau dokumen maklumat tambahan yang diterima tidak lengkap dalam tempoh yang ditetapkan, caj pemprosesan sebanyak **RM1,000.00** akan dikenakan dan baki fi permohonan akan dipulangkan.
- 3.5 Permohonan program yang telah dikemukakan melalui kaedah 'Fast Track' ODL adalah tidak dibenarkan untuk memohon penukaran ke proses penilaian bagi tempoh piagam 9 minggu.
- 3.6 Bagi PPT yang ingin beralih ke proses penilaian 9 minggu, PPT perlu menarik balik permohonan 'Fast Track ODL' dan mengemukakan permohonan baharu.

3.7 Sekiranya PPT ingin menarik balik permohonan 'Fast Track' ODL, ketetapan yang akan terpakai adalah seperti berikut:


- i. Sebelum surat lengkap dikeluarkan, fi permohonan akan dipulangkan dan caj pemprosesan sebanyak **RM1,000.00** akan dikenakan; atau
- ii. Selepas surat lengkap dikeluarkan, tiada pemulangan fi permohonan kepada PPT.

LAMPIRAN 1

**TAKWIM A:
PROSES PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH**

Bulan (<i>Cycle</i> permohonan)	Tarikh Permohonan dibuka	Minggu Mesyuarat Penyelarasan/ Lawatan (Akreditasi Sementara) MQA/PA	Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA)
Januari (<i>Cycle 1/2025</i>)	30 Disember 2024 – 2 Januari 2025	17 – 21 Februari 2025	25 Mac 2025
Februari (<i>Cycle 2/2025</i>)	3 – 6 Februari 2025	24 – 28 Mac 2025	29 April 2025
Mac (<i>Cycle 3/2025</i>)	3 – 6 Mac 2025	28 April – 2 Mei 2025	27 Mei 2025
April (<i>Cycle 4/2025</i>)	7 – 10 April 2025	26 – 30 Mei 2025	1 Julai 2025
Mei (<i>Cycle 5/2025</i>)	13 – 15 Mei 2025	30 Jun – 04 Julai 2025	29 Julai 2025
Jun (<i>Cycle 6/2025</i>)	9 – 12 Jun 2025	28 Julai 2025 – 1 Ogos 2025	26 Ogos 2025
Julai (<i>Cycle 7/2025</i>)	7 – 10 Julai 2025	25 – 29 Ogos 2025	30 September 2025
Ogos (<i>Cycle 8/2025</i>)	4 – 7 Ogos 2025	22– 26 September 2025	28 Oktober 2025
September (<i>Cycle 9/2025</i>)	2 – 4 September 2025	20 – 24 Oktober 2025	25 November 2025
Oktober (<i>Cycle 10/2025</i>)	29 September – 2 Oktober 2025	17– 21 November 2025	27 Januari 2026
November (<i>Cycle 11/2025</i>)	27 – 30 Oktober 2025	19 – 23 Januari 2026	24 Februari 2026

INFOGRAFIK PROSES PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA (FAST TRACK ODL)



**PIAGAM PELANGGAN
(FAST TRACK ODL)**

